



UNIT PERANCANG EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN TERHADAP CADANGAN KERANGKA JARINGAN KESELAMATAN EKUITI BUMIPUTERA

Semasa membentangkan Usul Mengenai Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), YAB Perdana Menteri telah membuat pengumuman berhubung cadangan memperkenalkan kerangka jaringan keselamatan ekuiti Bumiputera.

Pengumuman tersebut telah menyatakan bahawa untuk memastikan pemilikan ekuiti Bumiputera yang mampan, kerangka jaringan keselamatan ekuiti akan diperkenalkan supaya penjualan saham atau syarikat Bumiputera hanya ditawarkan dan dijual kepada konsortium, syarikat atau individu Bumiputera yang lain.

Pengumuman ini telah menimbulkan beberapa tafsiran yang berbeza. Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh beberapa pihak sehingga menimbulkan persepsi seolah-olah Bumiputera akan mengambil hak kaum lain.

Ingin saya jelaskan dengan lebih lanjut bahawa cadangan untuk memperkenalkan kerangka jaringan keselamatan ekuiti ini hanya merujuk kepada penjualan saham dan/atau syarikat oleh **agensi mandat Bumiputera sahaja**. Agensi mandat Bumiputera ini terdiri daripada:

- i. Institusi kepentingan Bumiputera (termasuk Permodalan Nasional Berhad dan Lembaga Tabung Haji); dan
- ii. Agensi amanah Bumiputera (termasuk MARA, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan EKUINAS).

Senarai penuh agensi mandat Bumiputera adalah seperti di Lampiran.

Cadangan penjualan ini tidak melibatkan saham dan/atau syarikat yang akan dijual oleh individu Bumiputera, bukan Bumiputera atau syarikat asing. Sebaliknya, pengumuman ini hanya melibatkan penjualan saham dan/atau syarikat Bumiputera oleh agensi mandat Bumiputera sahaja. Di bawah kerangka jaringan keselamatan ekuiti, penjualan ini akan ditawarkan kepada konsortium, syarikat atau individu Bumiputera yang berkelayakan.

Pada tahun 2019, pemilikan Bumiputera dalam ekuiti korporat berdasarkan nilai pasaran hanya 17.2 peratus. Pengumuman ini dibuat untuk memastikan pemilikan yang ada akan kekal dalam pegangan Bumiputera dan tidak terhakis. Cadangan ini tidak akan mengambil hak kepentingan kaum lain.

Selain daripada kerangka jaringan keselamatan ekuiti ini, terdapat beberapa perundangan dan peraturan kawal selia pemilikan ekuiti Bumiputera yang sedang berkuat kuasa. Perundangan dan peraturan ini akan terus berkuat kuasa. Pelupusan saham dan/atau syarikat swasta adalah tertakluk kepada kelulusan pengawal selia sektor kementerian dan agensi berkaitan. Sebagai contoh, bagi perolehan harta tanah yang melibatkan pemilikan harta tanah kepentingan Bumiputera dan/atau agensi Kerajaan bernilai RM20 juta dan ke atas, perlu mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Ini adalah untuk memastikan kepentingan Bumiputera dalam syarikat yang sedia ada tidak terhakis.

DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)
3 OKTOBER 2021

LAMPIRAN

Agensi mandat Bumiputera yang dimaksudkan dalam inisiatif ini adalah seperti berikut:

Institusi kepentingan Bumiputera:

- i. Permodalan Nasional Berhad;
- ii. Lembaga Tabung Haji (TH);
- iii. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT); dan
- iv. Koperasi Polis DiRaja Malaysia (KPDRM).

Agensi amanah Bumiputera:

- i. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN);
- ii. Majlis Amanah Rakyat (MARA);
- iii. Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS);
- iv. Pelaburan Hartanah Berhad (PHB);
- v. Perbadanan Nasional Berhad (PNS);
- vi. VentureTECH Sdn. Bhd.;
- vii. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM); dan
- viii. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).